

NO SOALAN :75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
(KUBANG KERIAN)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 02.08.2017**

Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci berkaitan prestasi kutipan GST untuk tahun ini dan adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar cukainya daripada 6% serta meluaskan cukai ini kepada barang-barang lain yang belum dikenakan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan bersih GST bagi tahun 2017 dari tempoh 1 Januari 2017 hingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak RM19.311 bilion.

Berkenaan dengan kadar GST, Kerajaan belum bercadang untuk mengkaji semula kadar standard GST 6%. Kadar tersebut ditetapkan setelah kajian yang terperinci dibuat untuk memastikan ianya adalah kadar yang paling bersesuaian bagi Malaysia. Antara faktor yang telah diambil kira dalam menetapkan kadar GST tersebut adalah:

- i. kadar cukai jualan dan kadar cukai perkhidmatan yang telah dilaksanakan sebelum ini dimana cukai jualan dikenakan pada kadar 5% dan 10% manakala cukai perkhidmatan pula dikenakan pada kadar 6%;
- ii. sumbangan hasil cukai kepenggunaan;
- iii. tanggungan cukai oleh pengguna; dan
- iv. bantuan lain yang disediakan oleh pihak Kerajaan kepada peniaga dan pengguna.

Selain itu, Kerajaan juga pada masa kini tiada perancangan untuk mengubah layanan semasa GST ke atas senarai barang dan perkhidmatan yang dikenakan pada kadar 6%, 0% dan dikecualikan. Penetapan senarai barang dan perkhidmatan yang dikenakan GST pada kadar 6%, 0% dan dikecualikan GST telah dibuat berdasarkan kajian yang terperinci dan menyeluruh dengan mengambilkira impak kepada semua golongan rakyat berdasarkan corak perbelanjaan, skop

kenaian cukai jualan dan cukai perkhidmatan sebelum pelaksanaan GST, sumbangan hasil kepada negara dan pentadbiran GST yang berkeupayaan untuk membendung ketirisan hasil terutamanya bagi jangka masa panjang.